

Denggi membunuh

» Jaga kebersihan persekitaran, dapatkan rawatan segera jika demam

Dalam tempoh kira-kira sebulan (4 Januari 2015 hingga 4 Februari 2015), sebanyak 12,980 kes demam denggi dilaporkan di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, 20 pesakit meninggal dunia dalam tempoh antara 4 Januari 2015 hingga 29 Januari 2015.

Jumlah ini satu angka yang besar dan membimbangkan. Jika kita mengunjungi hospital, kita pasti akan dapat menyaksikan 'deretan' pesakit mendapatkan rawatan denggi, wad penuh sehinggakan ada pesakit yang terpaksa berulang-alik ke hospital untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Banyak faktor menyumbang kepada keadaan ini, antaranya cuaca dan tidak terkecuali, sikap orang ramai yang masih kurang keseda-

ran mengenai bahaya Aedes serta cara mencegah jangkitan.

Daripada 12,980 kes yang dilaporkan itu, lebih 50 peratus atau 7,266 kes dilaporkan di Selangor, diikuti Perak dengan 1,504 kes, Johor 750 kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 685 kes dan Pulau Pinang, 636 kes.

Peningkatan kes jangkitan demam denggi dan kematian akibat demam denggi seharusnya membuka mata semua pihak untuk lebih berwaspada. Demam denggi bukan demam biasa tetapi demam yang boleh membawa maut.

Demam denggi

Demam denggi adalah sejenis penyakit jangkitan virus yang merebak melalui gigitan nyamuk Aedes aegypti yang

sudah dijangkiti.

Ada empat jenis virus yang boleh menyebabkan demam denggi iaitu DEN 1, DEN 2, DEN 3 dan DEN 4.

Jangkitan oleh manamana satu jenis virus akan memberikan imuniti terhadap virus jenis itu sahaja. Jika individu tinggal di kawasan jangkitan denggi, mereka boleh dijangkiti lebih daripada sekali seumur hidupnya.

Lebih 100 negara di Asia Selatan, Asia Tenggara, Afrika, Amerika Timur Mediterranean dan Pasifik Barat mengalami masalah denggi.

Demam denggi berdarah

Ia adalah demam denggi yang teruk disebabkan oleh jangkitan virus denggi.

Kebiasaan tanda sakit adalah sama dengan demam denggi. Pesakit akan menjadi teruk disebabkan oleh radan-



BH
7/2/2015
mls 11

gan di salur darah. Tanda yang biasa, termasuklah muntah, pitam dan sakit pada bahagian abdomen.

Salur darah di dalam badan boleh mengalami kebocoran dan menyebabkan isi padu darah berkurangan. Ini boleh menyebabkan pesakit mengalami renjatan (shock) dan akhirnya boleh menyebabkan kematian.

Tiada ubat-ubatan yang khusus untuk merawat demam denggi. Pesakit perlu dirawat demam denggi berdarah. Rawatan awal boleh mengelakkan kematian dengan kadar kurang daripada satu peratus. Pesakit akan diberikan rehidrasi supaya tidak mengalami renjatan.

Walaupun nama penyakit ini demam denggi berdarah, masalah yang membawa kemudaratan adalah masalah kebocoran salur darah yang menyebabkan renjatan dan bukan pendarahan yang menjadi masalah utama.

Tanda demam denggi

Demam akan terjadi pada hari ketiga hingga ke 14 selepas digigit oleh nyamuk yang dijangkiti. Kebiasaannya di antara 4 hari hingga 7 hari.

Selalunya ia akan bermula dengan demam kuat yang mengejut, sakit kepala yang teruk/kuat, sakit pada bahagian belakang mata serta otot dan sendi. Ruam merah di kulit juga

boleh terjadi.

Demam ini boleh mencapai suhu 40 darjah Celsius hingga 41 darjah Celsius dan selalunya akan berlarutan selama dua hingga tujuh hari.

Ia juga boleh menyebabkan serangan sawan pada kanak-kanak di bawah umur enam tahun.

Sakit teruk pada tulang otot dan sendi-sendi. Demam denggi ini juga dikenali sebagai 'breakbone fever'.

Ruam selalunya akan timbul pada hari ketiga dan keempat selepas bermulanya demam.

Muntah dan kurang selera makan.



Cara pencegahan

Buat masa ini, tiada vaksin untuk mengubati demam denggi. Bagaimanapun, usaha sedang dijalankan untuk menghasilkan vaksin berkenaan.

Elakkan gigitan nyamuk dengan:

- ⊙ Gunakan ubat nyamuk.
- ⊙ Gunakan kelambu semasa tidur. Gunakan 'repellent' jika perlu.
- ⊙ Elakkan aktiviti ketika nyamuk aktif menggigit (jam 5.30 pagi-8.00 pagi dan jam 5.30 petang-8.00 malam).
- ⊙ Pakai pakaian berlengan panjang dan seluar panjang apabila keluar dari rumah.
- ⊙ Pasang jaring halus (mosquito mesh) pada tingkap dan pintu.

Hapuskan tempat pembiakan nyamuk:

- ⊙ Hapuskan tempat pembiakan nyamuk di sekeliling rumah. Musnahkan semua bekas yang boleh menampung air hujan atau lebih air, terutama di besen, tayar lama, bekas bunga, bekas plastik dan tong. Jika tidak boleh dimusnahkan, letakkan bahan pembunuh jentik-jentik dalam bekas berkenaan.
- ⊙ Kerap tukar air pada bekas minuman haiwan peliharaan.

Segera dapatkan rawatan jika:

- ⊙ Muntah berlarutan/berpanjangan.
- ⊙ Sakit perut.
- ⊙ Kurang bermaya-sawan.
- ⊙ Sesak nafas.
- ⊙ Pucat/sejuk pada tangan dan kaki.
- ⊙ Pendarahan daripada gusi/hidung, muntah darah, najis berdarah dan tanda merah pada kulit.



Kitaran hidup nyamuk Aedes dari telur hingga nyamuk dewasa hanya mengambil masa 7 hari!